



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
KETERJAMINAN MAKANAN



ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

BAYARAN PAMPASAN BAGI PELUPUSAN HAIWAN

No. Dokumentasi : APTVM 4(23):1/2023

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
MALAYSIA**

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

BAYARAN PAMPASAN BAGI PELUPUSAN HAIWAN

No. Dokumentasi: APTVM 4(23):1/2023

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

KATA-KATA ALUAN	1
1.0 Pengenalan	2
2.0 Objektif	3
3.0 Skop	3
4.0 Definisi	3
5.0 Kata Singkatan	4
6.0 Dasar	5
7.0 Prosedur Permohonan Bayaran Pampasan Pelupusan Haiwan	7
8.0 Prosedur Kelulusan Bayaran pampasan Pelupusan Haiwan	9
9.0 Prosedur Pembayaran Bayaran Pampasan Pelupusan Haiwan	10
10.0 Rujukan	10
Carta Alir : Prosedur Bayaran pampasan Haiwan	11
Lampiran 1 : Dokumen Sokongan Permohonan Bayaran pampasan	13
Lampiran 2 : Borang Permohonan Bayaran Pampasan	14
Lampiran 3 : Senarai Semak Permohonan Bayaran Pampasan Pelupusan Haiwan	15
Lampiran 4 : Laporan Pemeriksaan Daging (Penyakit LSD)	16
Lampiran 5 : Perakuan Permohonan Bayaran Pampasan Pelupusan Haiwan	17
Jawatankuasa Penyediaan APTVM Bayaran Pampasan Bagi Pelupusan Haiwan	18
Penghargaan	18

KATA-KATA ALUAN

Industri ternakan merupakan salah satu industri khusus yang dikenalpasti dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 2021 - 2030. Salah satu objektif di bawah dasar ini ialah untuk mempertingkatkan output pengeluaran serta kualiti penuaan melalui peningkatan produktiviti. Oleh itu, ternakan tempatan perlu dilindungi daripada pelbagai jangkitan penyakit yang disebabkan oleh virus, bakteria, parasit dan lain-lain supaya pendapatan penternak tidak terjejas seterusnya menghasilkan makanan yang selamat untuk dimakan. Perkara ini selari dengan Pelan Strategik & Tindakan Pembangunan Industri Pedaging Negara 2021 – 2025 (BIF Plan) iaitu di bawah Strategi 8 memperkuuh program pencegahan dan kawalan penyakit.

Ancaman penyakit merupakan ancaman terbesar dalam industri penternakan. Bagi mengelakkan jangkitan daripada merebak dan sukar dikawal, ternakan yang disyaki atau dijangkiti penyakit perlu dihapuskan khususnya bagi penyakit-penyakit zoonotik atau berkepentingan ekonomi seperti Brucellosis, Tuberculosis (TB), Lumpy Skin Disease (LSD) Highly Pathogenic Avian Influenza (HPAI) dan lain-lain. Penghapusan haiwan berpenyakit ini merupakan satu kaedah kawalan dan pembasmian penyakit paling drastik dan berkesan. Penghapusan akan menghentikan rebakan wabak, mengelakkan kerugian lebih besar dan menghalang penularan penyakit zoonotik kepada manusia namun menyebabkan kerugian kepada pihak pemilik haiwan.

Justeru, bayaran pampasan diberikan sebagai bantuan dan penghargaan atas kerjasama yang diberikan dalam pencegahan dan kawalan penyakit. Sehubungan itu, pembayaran pampasan telah diluluskan melalui surat Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan Bil. KK/BP/WA/197/547/1 s.k 1/2010 (11) bertarikh 2 Mac 2011.

APTVM Bayaran Pampasan Bagi Pelupusan Haiwan ini akan menjelaskan dan menyelaraskan syarat dan prosedur permohonan bayaran pampasan bagi penyakit zoonotik dan berkepentingan ekonomi. Maka dengan ini saya mengarahkan agar semua anggota yang terlibat untuk mematuhi prosedur ini bagi memastikan objektif penghapusan bagi tujuan pencegahan dan kawalan penyakit dicapai dengan sempurna.

**YBRS. DR. AKMA BT NGAH HAMID
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR
MALAYSIA**

BAYARAN PAMPASAN BAGI PELUPUSAN HAIWAN

1.0 PENGENALAN

Jabatan Perkhidmatan Veterinar bertanggungjawab secara langsung terhadap pembangunan industri penternakan negara melalui pelaksanaan fungsi-fungsi yang ditetapkan merangkumi kawalan penyakit haiwan dan zoonotik, pembangunan industri penternakan dan industri makanan ternakan, mengawal selia kualiti dan keselamatan makanan berdasarkan hasilan ternakan dan menjaga kebajikan haiwan keseluruhannya.

Teras Jabatan Perkhidmatan Veterinar ialah menyediakan perkhidmatan veterinar dan menjaga kesihatan haiwan/ternakan dalam negara demi kesejahteraan awam dan haiwan serta dapat menghasilkan makanan berdasarkan ternakan yang selamat dan bersih. Ini adalah sangat penting dalam menjamin food security dan food safety kepada negara khasnya.

Bagi mendapatkan kerjasama yang baik daripada pemilik haiwan dalam mengawal sesuatu kejadian penyakit haiwan, kerajaan telah menyediakan incentif dalam bentuk bayaran Pampasan ke atas ternakan yang dilupuskan akibat disyaki dijangkiti atau disahkan menghidap sesuatu penyakit haiwan yang zoonotik atau berkepentingan ekonomi. Pemberian incentif ini merupakan galakan kepada para penternak dan usahawan/pemain industri penternakan melapor kejadian awal penyakit kepada Pihak Berkuasa Veterinar supaya tindakan kawalan yang bersesuaian dan berkesan dapat dilaksanakan dalam mengawal rebakan penyakit sehingga boleh merencangkan ekonomi dan mengakibatkan kematian kepada manusia.

APTVM Bayaran Pampasan Bagi Pelupusan Haiwan ini disediakan untuk digunakan dan menjadi rujukan kepada anggota Jabatan di lapangan semasa menguruskan permohonan bayaran pampasan bagi program kawalan penyakit zoonotik dan berkepentingan ekonomi.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1** APTVM ini menjelaskan syarat dan prosedur permohonan bayaran Pampasan bagi penyakit zoonotik dan berkepentingan ekonomi.
- 2.2** Menyediakan garis panduan untuk melaksanakan pembayaran Pampasan haiwan yang telah dihapuskan.
- 2.3** Membantu meringankan beban kewangan kepada pemilik haiwan.

3.0 SKOP

APTM Bayaran Pampasan Bagi Pelupusan Haiwan merangkumi dasar, keputusan dasar, pengeluaran arahan, menjelaskan punca kuasa pembayaran pampasan dan situasi yang melayakkan bayaran pampasan dibayar.

4.0 DEFINISI

4.1 Anggota Jabatan

Semua anggota yang berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang diarah menjalankan tugas-tugas pengurusan bayaran pampasan.

4.2 Haiwan

Semua binatang termasuk lembu, kambing, kerbau, bebiri, babi, kuda, rusa, anjing, kucing, unggas/burung serta mana-mana binatang seperti yang termaktub dalam Akta Binatang 1953 (Semakan - 2006).

4.3 Haiwan disyaki terjangkit

Semua haiwan yang ada hubungan dengan haiwan yang berpenyakit, datang dari kawasan berpenyakit, memperolehi keputusan ujian penyakit diragui atau menunjukkan gejala penyakit yang menyerupai Penyakit Wajib Lapor.

4.4 Bayaran pampasan

Sejumlah wang yang diberikan untuk membolehkan pemilik ternakan mengatasi tempoh kesukaran akibat kejadian penyakit haiwan tertakluk kepada kelulusan kerajaan.

4.5 Pelupusan

Aktiviti untuk menghapuskan haiwan / produk haiwan yang telah dijangkiti sama ada individu dan atau gerompok.

4.6 Pemilik haiwan

Individu atau syarikat yang menjalankan aktiviti membela/menternak haiwan.

4.7 Penghapusan

Aktiviti mematikan haiwan secara individu atau gerompok.

4.8 Tanda pengenalan haiwan

Apa-apa tanda pengenalan haiwan sama ada tag telinga, tanda cacah, cap badan, mikrocip, RFID atau sebarang tanda yang boleh menentukan pengenalan.

5.0 KATA SINGKATAN

- | | | |
|-------------|-------|---|
| 5.1 | APTVM | - Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia |
| 5.2 | BKPBV | - Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosecuriti Veterinar |
| 5.3 | BKV | - Bahagian Kesihatan Veterinar |
| 5.4 | BPP | - Borang Permohonan Bayaran Pampasan |
| 5.5 | CCT | - Comparative Cervical Test |
| 5.6 | CFT | - Compliment Fixation Test |
| 5.7 | DVS | - Jabatan Perkhidmatan Veterinar |
| 5.8 | ELISA | - Enzyme-linked Immunosorbent Assay |
| 5.9 | FMD | - Penyakit Kuku dan Mulut |
| 5.10 | IPPV | - Ibupejabat Perkhidmatan Veterinar Malaysia |
| 5.11 | HPAI | - Highly Pathogenic Avian Influenza |

- 5.12 JKPTPZ** - Jawatankuasa Penilaian Permohonan Tuntutan Pampasan Penyakit Haiwan dan Zoonotik (JKPTPZ)
- 5.13 KPPV** - Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
- 5.14 LSD** - Lumpy Skin Disease
- 5.15 MI** - Pemeriksa Daging
- 5.16 ND** - Newcastle Disease
- 5.17 PCR** - Polimerase Chain Reaction
- 5.18 PPVD** - Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah/Jajahan
- 5.19 RFID** - Radio Frequency Identification Device
- 5.20 SKPHZ** - Seksyen Kawalan Penyakit Haiwan dan Zoonotik
- 5.21 TB** - Tuberkulosis

6.0 DASAR

Dasar tuntutan bayaran pampasan telah menggariskan kaedah permohonan, kelulusan dan pembayaran dengan menggunakan kadar bayaran pampasan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Tuntuan bagi jenis penyakit dan kadar bayaran pampasan yang baru, mestilah mendapat kelulusan daripada Pihak Kerajaan dan KPPV terlebih dahulu.

APTVM ini dilaksanakan penggunaannya ke atas:

- Senarai ternakan dan kadar bayaran pampasan seperti di Jadual 1
Jadual 1 : Kadar Bayaran Pampasan Mengikut Jenis Ternakan

JENIS TERNAKAN	KATEGORI	**BAYARAN PAMPASAN SEPARA (RM)	***BAYARAN PAMPASAN PENUH (RM)	MEANS OF VERIFICATION
Kambing / Bebiri	Anak	120	240	Tiada gigi kacip kekal
	Kacukan Dewasa	240	480	
	Baka terpilih/Pedigree	1,000	2,000	Rekod daftar baka

JENIS TERNAKAN	KATEGORI	**BAYARAN PAMPASAN SEPARA (RM)	***BAYARAN PAMPASAN PENUH (RM)	MEANS OF VERIFICATION
Babi	Porker	200	400	
	Dewasa	400	800	
	Baka Terpilih/ Pedigree	1,500	3,000	Rekod daftar baka
Lembu	Anak	530	800	Tiada gigi kacip kekal
	Dewasa Pedaging	800	1600	
	Dewasa Tenuzu	1,000	2,000	
	Baka Terpilih/ Pedigree	2,000	4,000	Rekod daftar baka
Kerbau	Anak	530	800	Tiada gigi kacip kekal
	Dewasa	1,000	2,000	
	Baka Terpilih/ Pedigree	2,500	5,000	Rekod daftar baka
Unggas	Ayam Kampung	6.00	12.00	
	Ayam/Itik Tua	2.50	5.00	
	Ayam/Itik Daging	3.00	6.00	

Nota: Kelulusan melalui surat Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan Bil. KK/BP/WA/197/547/1 s.k 1/2010 (11) bertarikh 2 Mac 2011

- ii. Penyakit yang layak untuk dibayar pampasan adalah:
 - a. Penyakit zoonotik seperti Brucella abortus, Brucella melitensis, TB, Johne's, Q-fever, Nipah dan HPAI.
 - b. Penyakit berkepentingan ekonomi seperti LSD, FMD, ND dan Swine Fever.
 - c. Penyakit yang diwarta untuk pembasmian bagi menangani penyakit baru muncul (*emerging disease*) atau penyakit muncul semula (*reemerging disease*).
- iii. Pelupusan anak baru lahir dari ibu yang disahkan positif penyakit *Brucellosis* atau penyakit pembiakan yang lain layak dipertimbangkan bayaran pampasan. [Seksyen 20(2) Akta Binatang 1953]
- iv. Ternakan yang disyaki/disahkan positif penyakit di Rumah Sembelih oleh Pihak Berkuasa Veterinar, layak dipertimbangkan bayaran Pampasan .
- v. Ternakan dalam tahanan Bahagian Pengawal DVS dan ternakan yang berada dalam Stesen Kuarantin Haiwan dan premis kuarantin haiwan tidak layak dipertimbangkan bayaran pampasan.
- vi. Mana-mana aset hidup milik kerajaan atau dibekalkan oleh kerajaan juga tidak layak menuntut bayaran pampasan.

7.0 PROSEDUR PERMOHONAN BAYARAN PAMPASAN PELUPUSAN HAIWAN

7.1 Prosedur Pra Permohonan

Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah/Jajahan perlu memohon dokumen sokongan seperti perkara 7.2 (i) daripada pemilik haiwan selepas penghapusan haiwan dilaksanakan. Template surat permohonan dokumen sokongan boleh dirujuk di Lampiran 1.

7.2 Prosedur umum

- i. Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah / anggota jabatan mengisi Borang Permohonan Pampasan(BPP) dengan lengkap dan melampirkan dokumen sokongan seperti berikut:

- a. Salinan kad pengenalan / Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Koperasi Malaysia /Salinan SSM dan penyata bank pemilik haiwan
 - b. Salinan penyata bank
 - c. Salinan surat arahan asing singkir
 - d. Salinan keputusan makmal ujian pengesahan
 - e. Gambar pelupusan ternakan dengan nombor tag yang jelas
 - f. Laporan pemeriksaan daging (bagi pelupusan penyakit Lumpy Skin Disease)
 - g. Surat pengesahan dari rumah sembelih sekiranya gambar tidak dapat diambil (pelupusan *Brucella abortus*)
-
- ii. Bahagian Kesihatan Veterinar menyemak permohonan bayaran pampasan. Permohonan yang tidak lengkap akan diserahkan semula kepada PPVD/anggota jabatan untuk dilengkapkan.
 - iii. Bahagian Kesihatan Veterinar mengemukakan surat permohonan beserta BPP dan dokumen sokongan berdasarkan senarai semak.
 - iv. Permohonan bayaran pampasan dihantar kepada SKPHZ pada tahun semasa keputusan makmal dikeluarkan dan berlakunya penghapusan ternakan atau berdasarkan keputusan JKPTZ.
 - v. Pelupusan ternakan bunting yang positif penyakit hendaklah diuruskan dan **dijalankan sama** seperti ternakan berpenyakit yang lain.

7.3 Prosedur khusus

Lumpy Skin Disease

- i. Kadar bayaran Pampasan adalah berdasarkan keterangan lesi dengan merujuk penilaian dan laporan MI sama ada mengikut kaedah pelupusan separa atau penuh (Lampiran 4).
- ii. Permohonan bayaran Pampasan bagi pelupusan ternakan yang disyaki berpenyakit berdasarkan pemerhatian tanda klinikal tanpa keputusan makmal perlu disertakan gambar lesi LSD ternakan dengan nombor identifikasi yang jelas

7.4 Perakuan Permohonan Bayaran Pampasan oleh Pemilik Haiwan

Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah/Jajahan perlu mendapatkan perakuan permohonan bayaran Pampasan daripada pemilik haiwan selepas penghapusan dijalankan (Lampiran 5).

8.0 PROSEDUR KELULUSAN BAYARAN PAMPASAN BAGI PELUPUSAN HAIWAN

- 8.1** Seksyen Kawalan Penyakit Haiwan dan Zoonotik menyemak BPP dan dokumen sokongan dari DVS Negeri. Permohonan yang tidak lengkap akan diserahkan semula kepada Bahagian Kesihatan Veterinar DVS Negeri untuk dilengkappkan.
- 8.2** Seksyen Kawalan Penyakit Haiwan dan Zoonotik menetapkan mesyuarat JKPTPZ untuk membincangkan permohonan bayaran Pampasan dari DVS Negeri. Kadar bayaran pampasan yang diluluskan seperti Jadual 1.
- 8.3** Surat/ memo makluman keputusan mesyuarat akan dihantar ke DVS Negeri untuk tindakan selanjutnya.
- 8.4** DVS Negeri menyediakan dan menghantar surat makluman keputusan permohonan kepada pemilik haiwan.


9.0 PROSEDUR PEMBAYARAN PAMPASAN BAGI PELUPUSAN HAIWAN


- 9.1** Pihak SKPHZ menyediakan memo kepada Unit Pentadbiran BKPBV untuk membuat pembayaran kepada permohonan yang telah diluluskan dalam mesyuarat JKTPZ.
- 9.2** Unit Pentadbiran BKPBV mengemukakan memo kepada Bahagian Kewangan IPPV untuk menghantar waran ke DVS Negeri yang diluluskan.
- 9.3** Bahagian Kesihatan Veterinar menyerahkan dokumen asal yang lengkap kepada pihak kewangan DVS Negeri.
- 9.4** Pihak kewangan DVS Negeri membuat bayaran kepada pemilik haiwan.
- 9.5** Salinan arahan pembayaran diserahkan kepada pemilik haiwan untuk makluman.

10.0 RUJUKAN

- 10.1** Akta Binatang 1953 [Akta 647] (Semakan 2006) Peruntukan berkaitan: seksyen 2 dan 20 (2)
- 10.2** Kaedah-kaedah Pemeriksaan Daging 1985
- 10.3** APTVM Penghapusan 22(e):1/2010
- 10.4** Surat Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan Bil. KK/BP/WA/197/547/1 s.k 1/2010 (11) bertarikh 2 Mac 2011.

CARTA ALIR PROSEDUR BAYARAN PAMPASAN BAGI PELUPUSAN HAIWAN





Lampiran 1

KEPALA SURAT PPVD

(Nama & Alamat pemilik haiwan)

Tuan/Puan,

**MEMOHON DOKUMEN SOKONGAN BAGI PERMOHONAN BAYARAN PAMPASAN BAGI
PELUPUSAN HAIWAN**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimohon tuan/puan untuk mengemukakan satu salinan dokumen sokongan kepada pihak Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah _____ bagi tuntutan bayaran pampasan pelupusan haiwan yang telah dijalankan pada ___/___.

3. Dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti berikut:

- i. Salinan kad pengenalan (bagi permohonan individu)
- ii. Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (bagi permohonan koperasi)
- iii. Salinan SSM (bagi permohonan syarikat)
- iv. Salinan penyata akaun bank pemohon

4. Salinan dokumen sokongan berkenaan hendaklah dihantar dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh penghapusan dijalankan untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya Yang Menjalankan Amanah,

Pegawai Perkhidmatan
Veterinar
Daerah _____



Lampiran 2

BORANG PERMOHONAN BAYARAN PAMPASAN

 Brusellosis Johne's Tuberkulosis Lumpy Skin Disease (LSD)*** Sila '✓' yang mana berkaitan**

NAMA TUANPUNYA : _____

ID PREMIS : _____

NO. KAD PENGENALAN : _____

NO. TELEFON : _____

NO. AKAUN BANK : _____

NAMA BANK : _____

ALAMAT : _____

NO. TAG TERNAKAN : _____ (*sila kemukakan lampiran sekiranya lebih daripada 1 ekor*)

BAKA / JANTINA : _____

UMUR TERNAKAN : _____

(A) Saya mengesahkan ternakan No. Tag _____ seperti di atas adalah positif bagi Penyakit _____, No. Ruj. Makmal _____ bertarikh _____.

Tarikh: _____

Pegawai Veterinar /
 Penolong Pegawai Veterinar
 Cop:

(B) Saya mengesahkan bahawa saya telah memeriksa penyembelihan / pelupusan ternakan No. Tag _____ Seperti di atas pada _____ ditempat _____

Tarikh: _____

Pengurus Rumah Sembelih / Pegawai
 Perkhidmatan Veterinar Daerah /
 Kawasan
 Cop:

(C) Bayaran pampasan RM _____ ini adalah betul.

Tarikh: _____

Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri

***Bagi Penyakit LSD, borang pemeriksaan oleh pegawai pemeriksa daging (MI) yang telah lengkap perlu dilampirkan**

Lampiran 3

NO. IP: _____

SENARAI SEMAK PERMOHONAN BAYARAN PAMPASAN

DVS Negeri :
 Nama Pemohon :
 Jenis dan Bilangan Ternakan :
 Jenis Penyakit : Brusellosis / Tuberkulosis / Johne's / LSD
 Tuntutan : Penuh / Separa
 Jumlah Pampasan (RM) :

Bil.	Kriteria	Tanda (✓)
1	Surat permohonan bayaran pampasan dari DVS Negeri	
2	Borang permohonan bayaran pampasan yang lengkap ditandatangani	
3	Salinan kad pengenalan / Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Koperasi Malaysia /Salinan SSM dan penyata bank pemilik haiwan	
4	Surat arahan asingsingkir dari DVS Negeri	
5	Salinan keputusan makmal ujian pengesahan	
6	Bagi Brusellosis (B.abortus) dan LSD: i) Gambar ternakan dengan no. identifikasi yang jelas ATAU ii) surat pengesahan penyembelihan dari rumah sembelih di mana tempat ternakan disebelih dengan senarai nombor identifikasi ternakan yang jelas	
7	Gambar ternakan yang dilupuskan dengan nombor identifikasi yang jelas bagi Brusellosis (B.melitensis), Tuberkulosis dan Johne's	
8	Laporan Pemeriksaan Daging bagi penyakit LSD	
9	Salinan borang EpiS 01	
10	Salinan borang EpiS 06	

Lampiran 4

	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
LAPORAN PEMERIKSAAN DAGING (PENYAKIT LSD)	
Tarikh sembelihan:	
Jumlah ternakan disembelih:	
Nama pemilik haiwan:	
Alamat pemilik haiwan:	
Tempat penyembelihan:	
Tanda pengenalan haiwan:	1. _____ *Penuh / Separa 2. _____ *Penuh / Separa 3. _____ *Penuh / Separa 4. _____ *Penuh / Separa 5. _____ *Penuh / Separa
<i>Sila sertakan lampiran jika ruang tidak mencukupi</i>	
Laporan pemeriksaan:	Laporan penemuan semasa AM / PM
Gambar:	1. Gambar haiwan (ante mortem) 2. Gambar kepala bersama tanda pengenalan 3. Gambar lesi pada kulit, otot dan organ

*Sila bulatkan pelupusan yang dijalankan

Tandatangan Pemeriksa

Nama :
 Jawatan :
 Tarikh :

Cop Rasmi:

Lampiran 5

PERAKUAN PERMOHONAN BAYARAN PAMPASAN BAGI PELUPUSAN HAIWAN

Adalah saya / kami No. Kad
Pengenalan / No. Pendaftaran Syarikat dengan ini
bersetuju/ tidak bersetuju memohon (*pilih yang berkenaan*) bayaran bayaran pampasan bagi
..... ekor haiwan yang telah dilupuskan pada

Sekiranya saya / kami **menolak** bayaran pampasan ini, saya / kami faham bahawa saya / kami tidak layak untuk menuntut sebarang ganti rugi dari jabatan / kerajaan selepas akuan ini ditandatangani.

Tandatangan Pemilik Haiwan

Pengesahan PPVD

Nama :
Tarikh :
Cop :

Nama :
Tarikh :
Cop :

JAWATANKUASA PENYEDIAAN APTVM BAYARAN PAMPASAN BAGI PELUPUSAN HAIWAN

Penasihat : YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid
Ketua Editor : Dr. Nik Hamidah binti Nik Husin
Sidang Pengarang : Dr. Syarifah Syazana binti Syed Ahmad
Dr. Nor Azhani binti Kamarudin
Dr. Ari Hajis bin Basir
Pn. Mimiwati binti Abd Wahid
Cik Siti Sabariah binti Sa'ad

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam penyediaan APTVM Bayaran Pampasan Bagi Pelupusan Haiwan ini, khususnya;

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (KV)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (P)

Semua Pengarah Bahagian, IPPV

Semua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri

Semua Ketua Seksyen, IPPV

Semua Pegawai BKPBV



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
MALAYSIA**